

Headline **Belia digesa belajar pengurusan jenazah**  
 Date **22. Apr 2009** Language **MALAY**  
 Media Title **Sinar Harian (Pahang)** Page No **8**  
 Section **NEWS** Article Size **150** cm2  
 Circulation **60000** Frequency **Daily**  
 Readership **0** Color **Black/White**  
 AdValue **602.68**



## Belia digesa belajar pengurusan jenazah

**KUALA KRAU** - Belia dan beliawanis disaran mengikuti kursus pengurusan jenazah supaya menjadi pelapis pada masa akan datang.

Pengerusi Imam-imam Daerah Temerloh, Syed Abu Bakar Syed Salim berkata, golongan itu perlu dilatih mulai sekarang kerana bimbang tiada siapa yang mahu menguruskan jenazah pada masa akan datang.

Menurutnya, anak muda hari ini, terutama di kampung dan Felda kurang berminat untuk mempelajari pengurusan jenazah kerana mereka tidak diberitahu kepentingan perkara itu.

"Dalam setiap kursus pengurusan jenazah yang diadakan, bilangan anak muda hadir kurang memherangsangkan.

"Sekiranya perkara ini tidak diambil berat, saya bimbang pada masa 10 atau 20 tahun lagi, tiada siapa yang boleh memandikan jenazah di kampung.

"Sekarang pun sudah berlaku di sesetengah kampung di mana jika ada kematian, waris terpaksa mencari mereka yang boleh menguruskan jenazah di kampung lain. Perkara ini perlu dipandang serius dari sekarang," katanya ketika dihubungi **Sinar Harian**, semalam.

Syed Abu Bakar berkata,



**Sekiranya perkara ini tidak diambil berat, saya bimbang pada masa 10 atau 20 tahun lagi, tiada siapa yang boleh memandikan jenazah di kampung.**

Syed Abu Bakar Syed Salim

selain pengurusan jenazah, anak muda juga perlu mengikuti kursus pengurusan jenazah HIV/Aids untuk pengetahuan mereka supaya senang menguruskan sementara menunggu pihak Pejabat Kesihatan Daerah.

Menurutnya, imam dan pegawai masjid di kampung masing-masing perlu memainkan peranan dalam usaha melaksanakan kursus itu dalam kalangan anak muda di kampung masing-masing.

"Setiap kampung perlu ada pelapis untuk menguruskan jenazah dan dididik pada peringkat awal supaya timbul kesedaran di hati mereka untuk mempelajari ilmu tersebut pada masa akan datang," katanya.